

on 22 February 2014

UNIMAS Anjur Persidangan Kejururawatan



Kota Samarahan.: Pelajar tahun akhir kejururawatan daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak telah berjaya menganjurkan 5th UNIMAS Nursing Conference bertemakan "*Nurses: A force for change-A vital resource for health*". Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada hari ini, mewakili

Naib Canselor. Persidangan ini berlangsung selama dua hari di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra UNIMAS. Ia turut disertai oleh 750 jumlah peserta yang terdiri daripada kalangan pelajar kejururawatan serta jururawat-jururawat dari pelbagai institusi di seluruh Malaysia.

Antara objektif persidangan ini adalah untuk membincangkan peranan jururawat dalam sektor kesihatan serta memperkasakan bidang kejururawatan dari segi pembelajaran, latihan dan kajian. Selain itu, peserta juga berpeluang untuk mengasah bakat kepimpinan dan melakukan perubahan demi meningkatkan mutu perkhidmatan terutamanya dalam sumber kesihatan.

Ucap utama disampaikan oleh Profesor Madya Dr Khatijah Lim, Ketua Jabatan Kejururawatan Universiti Malaya. Beliau menekankan kepentingan dan cabaran yang dihadapi dalam sistem pembelajaran kejururawatan di Malaysia. Katanya, jururawat harus terus mencapai tahap pendidikan dan latihan praktikal yang tinggi untuk meningkatkan pertumbuhan intelektual yang disegani dan mampan di bidang kejururawatan.

Dalam forum yang sama, Dr Chan Kim Geok, pensyarah kejururawatan UNIMAS juga telah berkongsi pengalaman beliau dengan para peserta, Jelas beliau, persekitaran kerja yang positif penting semasa bekerja kerana ia faktor utama yang mempengaruhi mutu penjagaan dan perkhidmatan.

Foto oleh Hj Bujang Mohamad || Artikel oleh : Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat